



MEMO

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM
45300 SUNGAI BESAR, SELANGOR DARUL EHSAN

Rujukan Kami : PDSB/KP/04/0024 (10)

Tarikh : 9 Januari 2019

Tajuk	PENGGUNAAN SINGKATAN NAMA PINGAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN BAGI SEMUA PENERIMA PINGAT DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM (PDTSB)	
Daripada	Pegawai Daerah	<u>Salinan Kepada :-</u> Semua Kakitangan PDTSB Fail Timbul
Kepada	KPPD (T) KPPD (P) KPPD (KP)	

Tuan / Puan,

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut seperti di atas.

2. Sepertimana sedia maklum, pengurniaan Pingat Negeri Selangor Darul Ehsan sempena ulang tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafudin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor pada setiap tahun diberi kepada pegawai dan kakitangan PDTSB yang berjaya dan layak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.
3. Sehubungan itu, semua penerima **dikehendaki menggunakan nama pingat yang diterima tersebut dengan meletakkan singkatan nama pingat selepas nama pegawai pada surat rasmi jabatan yang tuan / puan tandatangani mulai tarikh memo ini dikeluarkan.** Penggunaan singkatan nama pingat juga terpakai bagi pingat-pingat yang diterima dari Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang lain.

4. Penerima pingat juga dinasihatkan agar memelihara dengan sebaik-baiknya kemuliaan pingat yang diterima dan tidak sekali-kali mencemarkan pengurniaannya. Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,


(NASIR BIN MAMAT, S.I.S, K.M.W, A.M.N)
Pegawai Daerah Sabak Bernam